

## PENINGKATAN KEHADIRAN TENTERA RUSIA DI KEPULAUAN KURIL

(*Increasing Russian Presence on The Kurile Islands*)

Zulfiqar Mohd Yusof & Mohd Ikbal Mohd Huda

### ABSTRAK

Pertikaian wilayah antara Rusia dan Jepun hanya membabitkan Selatan Kuril. Peningkatan kehadiran tentera Rusia di Selatan Kuril telah mencetuskan reaksi dan bantahan daripada Jepun. Jepun turut menunjukkan reaksi kurang senang terhadap peningkatan kehadiran tentera Rusia di pulau-pulau lain di dalam Kepulauan Kuril yang tidak dituntut oleh Tokyo dan kawasan sekitarnya. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mendorong Rusia meningkatkan kehadiran tentera di Kepulauan Kuril dan kawasan sekitarnya ketika pentadbiran Dmitri Medvedev dan Vladimir Putin setelah kembali menjadi presiden Rusia pada tahun 2012 sehingga kini. Selain itu, bukti-bukti peningkatan kehadiran tentera Rusia turut dianalisis bagi menunjukkan bahawa faktor-faktor peningkatan kehadiran tentera di Kepulauan Kuril dan kawasan sekitarnya adalah selaras dengan hujahan yang dikemukakan. Untuk memahami tindakan oleh Rusia, teori realisme defensif dan konsep keselamatan nasional telah diaplikasikan di dalam kajian ini. Hasil kajian mendapati bahawa, kehadiran tentera Rusia di Kepulauan Kuril dan kawasan sekitarnya kian meningkat ketika era Dmitri Medvedev dan Vladimir Putin atas faktor kepentingan strategik dan keselamatan nasional yang merangkumi pertahanan Timur Rusia. Kedua, ancaman luaran serta pemilikan berterusan terhadap Selatan Kuril turut mempengaruhi tindakan Rusia. Ketiga, laut Okhotsk yang menjadi sebahagian daripada strategi pencegahan konvensional dan nuklear Soviet telah menyebabkan Kepulauan Kuril begitu penting untuk dikekalkan dibawah kedaulatan Moscow. Keempat, faktor global seperti pengepungan Amerika Syarikat terhadap Rusia melalui penempatan pelbagai sistem pertahanan peluru berpandu yang menganjur dari Eropah sehingga ke Asia Timur turut mendorong Rusia meningkatkan lagi kehadiran tenteranya di Kepulauan Kuril.

**Kata Kunci:** Realisme Defensif, Keselamatan Nasional; Pertikaian Kepulauan Kuril; Rusia; Jepun.

### ABSTRACT

The territorial dispute between Russia and Japan only involved South Kuril. The increasing presence of Russian troops in South Kuril has sparked reactions and protests from Japan. Japan has also shown dissatisfaction to the increasing presence of Russian troops on other islands in the Kuril Islands that are not claimed by Tokyo and the surrounding area. This research aims to identify the factors that led Russia to increase military presence in the Kuril Islands and surrounding area during the administration of Dmitri Medvedev and Vladimir Putin after returning as the President of Russia in 2012 until now. In addition, evidences of increased Russian military presence are also analyzed to show that the factors of increasing military presence in the Kuril Islands and surrounding areas are in line with the arguments put forward. In understanding Russia's action, the theory of defensive realism and the concept of national security have been applied in this study. The results of this

research found that the presence of Russian troops in the Kuril Islands and the surrounding area increased during the era of Dmitri Medvedev and Vladimir Putin due to factors of strategic importance and national security that included the defense of Eastern Russia. Second, external threats and continued ownership of South Kuril have also influenced Russia's actions. Third, the Sea of Okhotsk, which was part of the Soviet conventional and nuclear prevention strategy, has made the Kuril Islands so important to be maintained under Moscow's sovereignty. Forth, a global factor such as the siege of the United States against Russia through the deployment of various missile defense systems extending from Europe to East Asia has also prompted Russia to increase its military presence in the Kuril Islands.

**Keywords:** Defensive realism, national security; Kuril Islands dispute; Russia; Japan.

## PENGENALAN

Semenjak era Perang Dingin lagi Rusia (Kesatuan Soviet) telah menempatkan angkatan tenteranya di Kepulauan Kuril yang menjadi pertikaian dengan Jepun. Walau bagaimanpun, Jepun hanya menuntut empat buah pulau sahaja di Kepulauan Kuril yang berhampiran dengan wilayah Hokkaido, iaitu Habomai, Shikotan, Etorofu (Iturup) dan Kunashiri (Kunashir). Empat buah pulau terbabit dikenali sebagai Wilayah Utara bagi Jepun, manakala bagi Rusia ialah Selatan Kuril. Dalam hal ini, Kesatuan Soviet bukan sahaja meningkatkan kehadiran tenteranya di Kepulauan Kuril, malahan di kawasan sekitarnya seperti wilayah Kamchatka, Chukotka, Sakhalin, Primorye dan Khabarovsk. Peningkatan kehadiran tentera Kesatuan Soviet terdorong atas faktor keselamatan dan kepentingan strategik selaras dengan keadaan dunia pada ketika itu yang bersifat bipolar. Selepas kejatuhan Kesatuan Soviet, ketika era Presiden Boris Yeltsin, kehadiran tentera Rusia telah dikurangkan. Namun ketika era Presiden Dmitri Medvedev dan Vladimir Putin telah menyaksikan peningkatan semula kehadiran tentera Rusia.

Terdapat pelbagai kajian yang membincangkan tentang pertikaian Kepulauan Kuril antara Rusia dengan Jepun. Namun kajian-kajian terbabit lebih tertumpu terhadap aspek sejarah pertikaian, asas-asas tuntutan Jepun dan Rusia terhadap Kepulauan Kuril, peranan politik domestik sesebuah negara serta rundingan-rundingan ke arah penyelesaian pertikaian Kepulauan Kuril semenjak zaman Kesatuan Soviet sehingga Rusia dibawah pentadbiran Presiden Vladimir Putin dan bagi Jepun pula dari tahun 1945 sehingga pentadbiran Perdana Menteri Shinzo Abe berbanding aspek keselamatan dan ketenteraan (Amanzholov & Akhmetov 2013; Bukh 2012; Kazuhiko 2011; Koji 2011; Walker 2015).

Oleh sebab itu, kajian ini akan memfokuskan terhadap faktor-faktor yang telah mendorong Rusia meningkatkan kehadiran tentera di Kepulauan Kuril dan kawasan sekitarnya ketika era pentadbiran presiden Dmitri Medvedev dan Vladimir Putin terutama semenjak memegang kembali tampuk pentadbiran pada tahun 2012. Di samping itu, bukti-bukti kehadiran tentera Rusia akan turut dibincangkan bagi menyokong hujahan berkaitan faktor-faktor peningkatan kehadiran tentera di Kepulauan Kuril dan kawasan sekitarnya. Walaupun Jepun hanya menuntut empat buah pulau iaitu Habomai, Shikotan, Etorofu (Iturup) dan Kunashiri (Kunashir), namun pihak Tokyo berasa kurang senang dengan tindakan Rusia yang kian meningkatkan kehadiran tenteranya di pulau-pulau lain dalam gugusan Kepulauan Kuril. Hal ini telah menimbulkan reaksi dan bantahan Jepun terhadap tindakan Moscow terbabit. Untuk memahami faktor-faktor peningkatan kehadiran

tentera Rusia di Kepulauan Kuril dan kawasan sekitarnya, teori realisme defensif dan konsep keselamatan nasional akan diaplikasikan dalam kajian ini.

## **REALISME DEFENSIF**

Neorealisme juga dikenali sebagai realisme struktural mempunyai dua cabang penting iaitu realisme ofensif dan defensif. John J. Mearsheimer merupakan sarjana penting bagi realisme ofensif dan Kenneth N. Waltz merupakan sarjana utama bagi teori realisme defensif. Perkara utama yang membezakan antara realisme defensif dengan realisme ofensif ialah pemahaman mereka mengenai konsep kuasa. Bagi realisme ofensif, sesebuah negara perlu memaksimakan kuasa untuk mencapai keselamatan. Sebaliknya, bagi realisme defensif, kuasa dan keselamatan berkaitan secara tidak langsung serta kuasa yang melampau sebenarnya akan meningkatkan lagi rasa tidak selamat kepada sesebuah negara (Hamilton & Rathbun 2013: 438).

Hal ini dapat dibuktikan melalui pandangan Waltz (2010: 126) yang menyatakan bahawa perkara penting bagi sesebuah negara ialah bukannya memaksimakan kuasa tetapi untuk mengekalkan posisi negara di dalam sistem. Menurut Hans Morgenthau dan Martin Wight, kuasa merangkumi pelbagai elemen seperti geografi, sumber semula jadi termasuk bekalan makanan, kapasiti industri, kesediaan ketenteraan, saiz populasi, karakter nasional, kualiti diplomasi, kualiti kerajaan, sumber ekonomi, kedudukan strategik, kecekapan kewangan dan pentadbiran, kemahiran teknologi dan pendidikan serta kepaduan moral (Tang 2007:126). Hal ini kerana kuasa membolehkan sesebuah negara mempertahankan diri daripada serangan negara lain dan kuasa juga penting bagi mencapai keselamatan. Sumber ekonomi membolehkan sesebuah negara meningkatkan keupayaan angkatan tenteranya dan mampu mencegah sebarang serangan yang mungkin dilakukan oleh negara lain. Waltz berpendapat bahawa terdapat dua pilihan bagi sesebuah negara untuk mencapai kuasa dan keupayaan untuk mempertahankan negara iaitu perimbangan luaran atau *external balancing* dan perimbangan dalaman atau *internal balancing* (Glaser 2010: 21). Perimbangan luaran bermaksud membentuk pakatan bagi mengimbangi kuasa besar atau negara lain yang mengancam keselamatan sesebuah negara. Manakala perimbangan dalaman pula bermaksud peningkatan keupayaan ketenteraan bagi menghadapi ancaman luaran. Peningkatan keupayaan ketenteraan dapat menjamin keselamatan sesebuah negara dan mengurangkan ancaman daripada negara lain disebabkan negara sudah bersedia jika negara lain mahu melancarkan serangan terhadap negaranya. Oleh hal yang demikian, tindak-tanduk Rusia di Kepulauan Kuril dan kawasan sekitarnya dapat difahami melalui perimbangan dalaman, bukannya perimbangan luaran.

Bagi Waltz, persaingan dan konflik antara negara berlaku di bawah keadaan dunia yang anarki, hal ini kerana negara yang berada di dalam dunia yang anarki harus menyediakan keselamatan untuk diri sendiri dan ancaman atau kemungkinan ancaman terhadap keselamatan sesebuah negara sentiasa wujud (Hamilton & Rathbun 2013: 441). Ini merupakan konsep kendiri atau *self-help* dalam hubungan antarabangsa. Sesebuah negara perlu bergantung kepada diri sendiri untuk mencapai atau mengecapi keselamatan. Bagi realisme defensif, sesebuah negara hanya memerlukan kekuatan tentera bersifat defensif kerana tujuan negara bukanlah meluaskan kuasa sebaliknya mempertahankan kedaulatan wilayah daripada diserang dan dicerobohi oleh musuh. Oleh sebab itu, kehadiran tentera Rusia di Kepulauan Kuril dan kawasan sekitarnya adalah

bersifat defensif kerana hanya menempatkan pasukan dan aset-aset tenteranya dalam lingkungan sempadan dan wilayah kedaulatannya sahaja. Namun disebabkan persepsi ancaman, Jepun menganggap kehadiran tentera Rusia bersifat ofensif kerana meningkatkan kehadiran tenteranya di kawasan yang dituntut Tokyo. Namun bagi Moscow, Jepun adalah ancaman kerana masih menuntut Selatan Kuril yang kini menjadi wilayah kedaulatan Rusia. Oleh sebab itu, persepsi sesebuah negara terhadap negara lain telah melahirkan ancaman dan perkara ini terjadi dalam sudut pandangan realisme iaitu bersifat pesimistik terhadap negara lain kerana sesebuah negara itu tidak akan pernah mengetahui tujuan atau niat sebenar negara lain.

## KESELAMATAN NASIONAL

Konsep keselamatan nasional memperlihatkan objektif sesebuah negara adalah untuk melindungi kepentingan nasionalnya iaitu melindungi nilai-nilai teras sesebuah negara. Nilai teras bagi setiap negara adalah berbeza disebabkan pelbagai faktor antaranya sejarah, ekonomi, sosial, geopolitik dan geostrategik yang berbeza bagi sesebuah negara. Nilai-nilai teras sesebuah negara dapat dibahagikan pula kepada dua iaitu nilai teras tetap dan nilai teras berubah. Nilai teras tetap merujuk kepada mempertahankan ciri-ciri fizikal negara dan nilai teras berubah pula dipengaruhi oleh persepsi ancaman sesebuah negara. Konsep keselamatan nasional bersifat *state-centric* yang mengekalkan idea dan hujahan Realisme kerana membicarakan tentang kelangsungan hidup negara (Kamarulnizam 2012: 49). Analisis tentang konsep dan ancaman terhadap keselamatan nasional Rusia berlandaskan pada perkiraan bahawa aktor utama sistem antarabangsa adalah negara. Oleh itu kerajaan yang mewakili kewujudan negara mempunyai peranan untuk mempertahankan kedaulatan negaranya.

Demi mempertahankan kedaulatan dan integriti sempadan atau wilayah maka sesebuah negara harus mempunyai keupayaan ketenteraan yang mencukupi. Hal ini bertepatan dengan perspektif Realisme yang melihat ancaman yang timbul dari luar merupakan ancaman yang berbentuk senjata atau tentera dari negara lain (Ramli & Zainus 2017: 16). Menurut Abdul Rashid Moten dan Syed Serajul Islam bahawa tiada negara akan ditubuhkan tanpa kawasan sempadan yang ditetapkan (Kamarulnizam 2012: 52). Sempadan sesebuah negara menurut undang-undang antarabangsa kontemporari bukan sahaja merujuk pada kawasan sempadan daratan malahan merangkumi lautan, ruang udara dan kawasan bawah tanah. Maka nilai teras tetap bagi Rusia adalah mempertahankan ciri-ciri fizikal negaranya yang merangkumi sempadan dan wilayah maritim serta udara daripada diceroboh oleh negara asing. Dalam hal ini, Rusia menganggap sekutu Jepun iaitu Amerika Syarikat (AS) sebagai negara yang berpotensi untuk menceroboh negaranya. Hal ini memandangkan AS mempunyai kehadiran tentera di Korea Selatan dan Jepun yang membolehkan Washington melancarkan serangan terhadap bahagian timur Rusia. Rusia juga bimbang sekiranya Jepun terlibat sama dalam operasi menyerang bahagian Timur Rusia. Pencerobohan AS di sebelah timur menjadi lebih mudah jika Rusia tidak memperkuuhkan pertahanan negaranya di Kepulauan Kuril.

## **KEHADIRAN TENTERA RUSIA DI KEPULAUAN KURIL PADA ERA DMITRI MEDVEDEV DAN VLADIMIR PUTIN**

Era Presiden Dmitri Medvedev dan Vladimir Putin telah menyaksikan peningkatan kehadiran tentera Rusia di Kepulauan Kuril dan kawasan sekitarnya dengan ketara. Terdapat tiga faktor yang dikenal pasti telah mendorong Rusia meningkatkan semula kehadiran tenteranya di kawasan terbabit. Faktor pertama ialah kepentingan strategik, yang kedua pula ialah tindak balas terhadap ancaman luaran Rusia dan seterusnya ialah sebagai bukti penguasaan Rusia terhadap Kepulauan Kuril terutama Selatan Kuril. Situasi dunia pada abad ke-21 telah mengalami perubahan. Ketika era Perang Dingin, dunia bersifat bipolar kemudian berubah kepada unipolar selepas kejatuhan Kesatuan Soviet. Keadaan unipolar tidak kekal lama kerana menjelang abad ke-21, keadaan dunia bertukar kepada multipolar. Keadaan multipolar ini berlaku disebabkan kewujudan kuasa-kuasa agung lain yang mampu menyaingi pengaruh AS di seluruh dunia. Pada abad ke-21 ini, Rusia dan China telah bangkit menjadi kuasa agung dunia setelah sekian lama statusnya hanya sebagai kuasa besar atau kuasa serantau sahaja. Oleh hal yang demikian, AS masih menjadi pesaing kepada Rusia dalam arena politik antarabangsa pada masa kini seperti mana ketika era Perang Dingin dahulu. Perubahan kepimpinan di AS pada tahun 2017 iaitu daripada Barrack Obama kepada Donald Trump tidak menunjukkan sebarang tanda ke arah hubungan bilateral yang lebih baik antara Rumah Putih dengan Kremlin. Konflik di Syria pula menyaksikan pertembungan kuasa antara AS dengan Rusia membuktikan bahawa hubungan Washington- Moscow bukanlah suatu hubungan rakan kongsi strategik tetapi lebih kepada hubungan pesaing strategik. Oleh sebab itu, Kepulauan Kuril amat penting bagi Rusia dalam menghadapi ancaman AS yang telah menjadi pesaing strategik dalam arena politik antarabangsa.

### ***Kepentingan Strategik Kepulauan Kuril kepada Rusia***

Kepulauan Kuril amat penting kepada Rusia kerana ia merupakan laluan penting bagi Armada Pasifik Rusia (APR) yang akan melalui Laut Okhotsk dan Kepulauan Kuril sebelum sampai ke Lautan Pasifik (Xinhua News 2011). Kawalan terhadap Kepulauan Kuril juga amat penting kepada Rusia kerana ia bukan sahaja membolehkan kapal-kapal perang dan selam keluar masuk dari Laut Okhotsk ke Lautan Pasifik dengan lebih mudah malahan dapat menghalang pencerobohan terhadap wilayah maritim Rusia oleh negara musuh (Ankov 2017a). Tambahan pula, kewujudan dua buah pangkalan tentera laut di sekitar Laut Okhotsk seperti Vladivostok dan Petropavlovsk di Semenanjung Kamchatka menunjukkan kepentingan strategik Kepulauan Kuril kepada Rusia kerana pelabuhan tersebut menempatkan aset-aset milik Armada Pasifik Rusia. Pasukan serangan balas dalam APR terdiri daripada kapal selam peluru berpandu strategik iaitu 3 buah kapal selam 667BDR Kalmar kelas Delta III dan 2 buah kapal selam peluru berpandu balistik berkuasa nuklear Project 955 Borei yang merupakan Divisyen Kapal Selam ke-25 (Ankov 2017a). Kewujudan pasukan kapal selam tersebut amat penting dalam mengekalkan dominasi Armada Pasifik Rusia di Laut Okhotsk sekali gus dapat menjamin keselamatan nasionalnya.

Menurut Hawk, Deiss & Watson (2016), Kepulauan Kuril merupakan pangkalan luar yang memainkan peranan besar dalam kedudukan pertahanan dan strategi cegah rintang Rusia. Kehadiran tentera Rusia di Kepulauan Kuril mampu menghalang sebarang serangan yang akan datang dari Lautan Pasifik atau Jepun. Faktor kepentingan strategik juga telah menyebabkan Moscow enggan

berkompromi dengan Tokyo dalam isu tuntutan Selatan Kuril. Jika Selatan Kuril diserahkan kepada Jepun maka benteng pertahanan Rusia di sebelah Timur akan mudah dibolosi musuh yang sekali gus mampu mengancam keselamatan nasional Rusia. Rusia juga bimbang jika Selatan Kuril diserahkan kepada Jepun, pihak Tokyo akan membangunkan sistem pertahanan di pulau-pulau tersebut. Jepun juga akan menempatkan pasukan tenteranya sama ada di Etorofu, Kunashiri, Shikotan atau Habomai. Tindakan Jepun terbabit akan menyebabkan Armada Pasifik Rusia yang berpangkalan di Vladivostok tidak mempunyai laluan selamat untuk ke Lautan Pasifik dan Artik.

Kebimbangan Rusia ini selaras dengan pandangan Pollmann & Miller (2016) yang menyatakan bahawa kawalan terhadap Kepulauan Kuril amat penting untuk menjamin laluan APR ke Lautan Pasifik. Oleh sebab itu, Selatan Kuril tidak boleh diserahkan kepada Jepun kerana penyerahan tersebut akan mengurangkan keefektifan APR dan mengancam keselamatan Rusia. Kemudian, penyerahan Selatan Kuril kepada Jepun akan memberikan kemenangan kecil kepada sekutu utama Jepun iaitu AS (Krivosheyev 2016a). Rusia amat bimbang sekiranya Jepun menyerahkan Selatan Kuril kepada AS untuk dijadikan pangkalan dan penempatan pasukan tentera. Kehadiran tentera AS di Selatan Kuril akan menidakkannya laluan selamat APR dan AS mampu melancarkan serangan terhadap timur Rusia dari Selatan Kuril. Tambahan pula, kapal selam dan kapal pengangkut pesawat AS dapat memasuki Laut Okhotsk melalui Selat Kunashiri jika Selatan Kuril diserahkan kepada Jepun (Pollmann & Miller 2016).

Selat yang berada di antara Pulau Kunashir dan Iturup turut penting kepada angkatan laut Rusia kerana ia tidak akan beku pada musim sejuk. Oleh sebab itu, laluan tersebut akan dapat digunakan oleh APR sepanjang masa untuk ke Lautan Pasifik. Laluan kapal yang melalui Kepulauan Kuril turut digunakan untuk ke kawasan lain seperti Lautan Artik dan Laut China Selatan. Bagi memastikan kepentingan strategik Rusia di Artik dan Asia Timur terjamin, pemodenan ketenteraan Rusia bagi wilayah sebelah timur telah bermula semenjak tahun 2011 lagi iaitu ketika Dmitri Medvedev sebagai Presiden Rusia. Kemudian, Presiden Vladimir Putin mengeluarkan dan menandatangani satu perintah eksekutif pada 7 Mei 2012 yang bertujuan untuk memodenisasikan Angkatan Bersenjata Persekutuan Rusia terutama sekali angkatan laut yang amat dipengaruhi oleh kepentingan strategik Kepulauan Kuril terutama bagi mengawal laluan kapal ke Lautan Artik yang perlu melalui kepulauan tersebut (Mihoko 2013: 210 & 212).

Rusia juga menganggap bahawa Semenanjung Kamchatka dan Kepulauan Kuril yang berada di Laut Okhotsk sebagai barisan pertahanan yang penting di kawasan Asia Pasifik. Rusia tidak seperti AS yang mempunyai banyak pangkalan tentera yang berada di luar wilayah AS seperti di Guam, Diego Garcia, Jepun dan Korea Selatan yang boleh dijadikan sebagai barisan pertahanan hadapan. Oleh sebab itu, Kepulauan Kuril amat penting kepada pertahanan Rusia jika negara musuh melancarkan serangan terhadap wilayah timur Rusia. Jika berlaku perperangan, Rusia akan meletakkan periuk api di selat-selat yang memisahkan beberapa buah pulau dalam Kepulauan Kuril dan mampu menghalang serangan dari arah Lautan Pasifik atau Artik. Perkara ini juga membolehkan Rusia menempatkan kapal selam nuklear yang dilengkapi peluru berpandu balistik sebagai barisan pertahanan bawah laut dalam menghalang kemaraan kapal-kapal perang musuh daripada menceroboh Laut Okhotsk sekiranya berlaku perperangan.

Bagi merealisasikan Kepulauan Kuril, Semenanjung Kamchatka dan Sakhalin sebagai barisan pertahanan Rusia disebelah Timur, pihak Moscow mula meningkatkan kehadiran jumlah tenteranya. Pada tahun 2011 sahaja seramai 3500 tentera Rusia yang merupakan Divisyen Artileri

dan Mesingan ke-18 telah ditempatkan di Kepulauan Kuril (Dhaka Tribune 2016). Manakala pada tahun yang sama juga, pihak Kementerian Pertahanan Rusia telah menghantar 350 kenderaan tentera termasuk kereta kebal T-80BV ke Kepulauan Kuril. Sehingga tahun 2016, Divisyen Artleri dan Mesingan ke-18 terdiri daripada 3500 anggota tentera, kereta kebal T- 80BV, sistem peluru berpandu anti pesawat Tor-M2U, sistem artileri 152mm Giatsint, pelancar roket berganda Grad BM-21, meriam antipesawat ZU-23-2 dan kenderaan perisai antipesawat ZSU-23-4 Shilka (Litovkin 2016). Atur gerak tentera Rusia tersebut dapat difahami melalui perspektif realisme defensif yang menekankan bahawa negara hanya memerlukan kekuatan tentera bersifat defensif kerana tujuan negara bukanlah meluaskan kuasa sebaliknya mempertahankan kedaulatan wilayah daripada diserang dan dicerobohi oleh musuh. Ancaman luaran Rusia juga dapat ditangani melalui perimbangan dalaman. Perimbangan dalaman dan kekuatan ketenteraan yang bersifat defensif berupaya memperkuatkan pertahanan Rusia di sebelah timur tanpa perlu memaksimalkan kuasa untuk mencapai keselamatan seperti mana yang dihujahkan oleh pendukung realisme ofensif.

Menurut Menteri Pertahanan Rusia, Sergei Shoigu, Kementerian Pertahanan Rusia bercadang akan membentuk satu divisyen tentera yang dijangka akan ditempatkan di Kepulauan Kuril (Krasilnikov 2017). Cadangan tersebut akhirnya berjaya direalisasikan apabila beliau mengumumkan rancangan untuk menempatkan satu divisyen tentera di Kepulauan Kuril yang bertujuan mempertahankan sempadan negaranya. Rancangan Rusia yang mahu menempatkan tentera di Kepulauan Kuril telah mendapat bantahan daripada pihak Jepun. Jepun telah menghantar nota bantahan kepada Rusia pada 22 dan 23 Februari 2017 melalui saluran diplomatik. Menteri Pertahanan Jepun, Tomomi Inada menegaskan pendirian Tokyo bahawa Selatan Kuril atau Wilayah Utara merupakan wilayah milik Jepun (Chesnokova 2017). Manakala Menteri Luar Rusia, Sergei Lavrov menegaskan bahawa Rusia tidak akan melepaskan Kepulauan Kuril kepada Jepun dan sama sekali tidak akan merayu kepada Tokyo untuk menandatangani perjanjian damai (Krasnouhov 2016). Rusia juga kekal dengan isi kandungan Perjanjian Damai San Francisco 1951 yang menyatakan bahawa kawalan terhadap Kepulauan Kuril oleh Kesatuan Soviet menunjukkan bahawa kepulauan tersebut berada dibawah kedaulatan negaranya. Pada 17 Disember 2018, Rusia mengumumkan bahawa berek-berek untuk anggota tenteranya di Kepulauan Kuril telah siap dibina dan bercadang untuk membina lebih banyak kemudahan tentera terutama untuk kenderaan perisai pada masa akan datang (Osborn 2018). Kementerian Pertahanan Rusia mengatakan bahawa menjelang 25 Disember 2018, 188 anggota tentera dan ahli-ahli keluarga mereka akan ditempatkan di 2 buah kawasan perumahan di Iturup dan 2 lagi di Kunashir (Osborn 2018). Rusia juga membina garaj untuk lebih 100 kenderaan perisai.

Rusia juga berhasrat untuk membina lapangan terbang di Kepulauan Kuril. Pembinaan lapangan terbang ini akan membolehkan Rusia menempatkan pesawat tempur seperti Sukhoi Su- 35 di Kepulauan Kuril antaranya di pulau Matua dan menempatkan sistem pertahanan udara seperti S-400 (Ankov 2017a). Lapangan terbang yang bakal dibina di pulau Matua boleh digunakan untuk pesawat pengebom jarak jauh Tu-22M3 yang mampu membawa peluru berpandu kruis jarak jauh Kh-101 (Liskin 2016). Penempatan pesawat pengebom jarak jauh dapat meningkatkan lagi keupayaan pencegahan strategik Rusia terhadap Amerika Syarikat dan sekutunya. Sedar tentang kepentingan pertahanan pulau Matua kepada Rusia maka satu kumpulan bersama yang terdiri daripada 200 kakitangan dari Kementerian Pertahanan, Armada Pasifik, Daerah Ketenteraan Timur dan Kumpulan Geografi Rusia yang diketuai oleh Timbalan Laksamana Armada Pasifik iaitu Andrey Ryabukhin telah ke pulau Matua. Kumpulan tersebut menjalankan pemerhatian dan kajian

lanjut tentang pembinaan lapangan terbang tentera di pulau tersebut. Walaupun, pulau Matua tidak dituntut oleh Jepun namun rancangan pembinaan lapangan terbang itu telah mencetuskan ketegangan antara Rusia dengan Jepun. Pembinaan lapangan terbang di Pulau Matua bermakna akan berlaku peningkatan kehadiran tentera Rusia di Kepulauan Kuril terutama angkatan udara. Apabila berlaku peningkatan kehadiran tentera udara Rusia, dibimbangi pencerobohan pesawat terhadap ruang udara Jepun akan meningkat.

### ***Tindak Balas Terhadap Ancaman Luaran Rusia***

Kehadiran tentera Rusia di Kepulauan Kuril dan kawasan sekitarnya sejak era Perang Dingin sehingga kini turut terdorong oleh faktor pencerobohan kapal-kapal nelayan Jepun. Pencerobohan ini berlaku disebabkan kewujudan dua zon penangkapan ikan Jepun yang berada di kawasan pertikaian wilayah iaitu bahagian Chishima-Okhotsk dan Chishima-Pasifik (Valencia 1991: 230). Jepun juga menubuhkan sebuah lagi zon penangkapan ikan di utara Hokkaido. Kewujudan zon ini telah menyebabkan nelayan Jepun menceroboh kawasan perairan Rusia terutama di sekitar Habomai dan Kunashir. Antara pencerobohan bot atau kapal nelayan Jepun yang mendapat liputan media adalah seperti berikut:

- i. 16 Ogos 2006: Mitsujiro Morita telah ditembak mati oleh pengawal pantai Rusia berdekatan pulau Habomai dan 3 lagi kru bot nelayan telah disabitkan kesalahan menceroboh sempadan, penyeludupan dan menangkap ikan di kawasan larangan.
- ii. September 2006: 39 buah bot nelayan telah menceroboh perairan Rusia dekat Kepulauan Kuril.
- iii. 21 Januari 2007: Bot nelayan No. 38 Zuisho Maru bersama 16 orang kru telah ditahan oleh pihak pengawal sempadan Rusia berdekatan pulau Kunashir.
- iv. 29 Januari 2010: Dua buah kapal nelayan Jepun telah menceroboh wilayah maritim Rusia berdekatan pulau Kunashir.
- v. 2011: Agensi berita Kyodo telah melaporkan bahawa pengawal pantai Rusia telah melepaskan tembakan ke arah kapal nelayan Jepun berdekatan pulau Habomai. Walau bagaimanapun, Jabatan Pengawal Pantai Rusia bahagian Timur Jauh menafikan insiden tembakan tersebut.
- vi. 17 Julai 2015: Sebuah bot nelayan No. 10 Hoko Maru telah dirampas oleh pihak Rusia.
- vii. Oktober 2017: Pengawal sempadan Rusia telah melakukan pemeriksaan terhadap bot nelayan No. 63 Fukuju Maru. Mereka yang telah diperiksa kemudian dibawa ke Yuzhno Kurilsk.
- viii. 30 Januari 2019: Pihak berkuasa Rusia telah menahan 10 orang kru bot No. 68 Nishino Maru dan berjaya menemui serta merampas 200 perangkap ketam serta 7.5 tan ketam, sardin dan ikan belanak yang dianggarkan bernilai AS\$596 000.

Oleh itu, kehadiran tentera Rusia di Kepulauan Kuril amat penting bagi mengekang sebarang pencerobohan bot atau kapal negara asing terutama sekali Jepun yang kerap kali menceroboh perairan Rusia. Tindakan Rusia tersebut harus dilihat dalam konteks keselamatan nasional dan realisme defensif. Negara akan cuba mempertahankan integriti sempadannya daripada sebarang anasir pencerobohan bagi memastikan kedaulatannya terjamin. Malah mempertahankan ciri fizikal negara merupakan objektif utama setiap negara yang wujud di dunia ini. Hal ini terjadi kerana

negara yang berada di dalam dunia yang anarki harus menyediakan keselamatan untuk diri sendiri dan ancaman atau kemungkinan ancaman terhadap keselamatan sesebuah negara akan sentiasa wujud (Hamilton & Rathbun 2013: 441). Oleh itu, Rusia tidak memerlukan kekuatan tentera yang ofensif kerana bukanlah niat Moscow untuk melancarkan serangan terhadap Jepun mahupun AS, sebaliknya kekuatan defensif amat diperlukan bagi mempertahankan kedaulatan wilayah daripada pencerobohan dan serangan negara lain.

Di samping itu juga, pengepungan AS terhadap Rusia melalui kehadiran tentera dan penempatan sistem pertahanan peluru berpandu yang menganjur dari Eropah sehingga Asia Timur turut mendorong Moscow meningkatkan lagi kehadiran tenteranya di Kepulauan Kuril dan kawasan sekitarnya. Pengepungan terhadap Rusia dapat dilihat apabila AS telah membina tapak sistem pertahanan peluru berpandu di Deveselu, Romania dan Radzikowo, Poland yang bertujuan untuk mempertahankan sekutu-sekutu Eropah Washington daripada serangan peluru berpandu balistik musuh (Zulfiqar 2018b: 42). Musuh yang dimaksudkan oleh Washington amat jelas merujuk kepada Rusia walaupun AS menegaskan bahawa penempatan sistem pertahanan peluru berpandu di Eropah bertujuan untuk menghadapi ancaman peluru berpandu balistik Iran terhadap sekutu-sekutunya. Hal ini kerana pembinaan tapak dan penempatan sistem peluru berpandu yang lebih hampir dengan Rusia iaitu Eropah Timur berbanding Iran yang ternyata berada di rantau Timur Tengah. AS menggunakan alasan ancaman Iran bagi menjustifikasi penempatan sistem peluru berpandu di Eropah Timur. Selain tapak peluru berpandu, terdapat komponen-komponen lain dalam sistem pertahanan peluru berpandu di Eropah antaranya kemudahan radar seperti radar amaran awal dan radar jalur X di Turki, 4 buah kapal pemusnah peluru berpandu AS yang berpangkalan di Rota, Sepanyol dan ibu pejabat di Ramstein, Jerman (Zulfiqar 2018b: 43). Oleh sebab itu, Presiden Vladimir Putin ketika Forum Ekonomi Antarabangsa Saint Petersburg 2017 mempersoalkan pembinaan infrastruktur tentera AS yang semakin hampir dengan sempadan Rusia dan peningkatan perbelanjaan ketenteraan sekutu-sekutu AS dalam NATO (Presidential Executive Office of Russia 2017).

Strategi mengepung Rusia turut dilaksanakan oleh AS di Asia Timur melalui penempatan Sistem Terminal Pertahanan Kawasan Altitud Tinggi atau THAAD di Korea Selatan. Pada 4 September 2017, AS mengumumkan bahawa empat pelancar sistem THAAD akan dipasang di Seongju lebih kurang 300 km dari Seoul, Korea Selatan bagi berhadapan ancaman peluru berpandu dan senjata nuklear Korea Utara (The Straits Times 2017). Sebelum pengumuman itu, AS sudah pun menempatkan dua buah pelancar THAAD di Pangkalan Udara Osan, Pyeongtaek, Korea Selatan. Tidak dinafikan bahawa penempatan sistem THAAD di Korea Selatan amat berkait rapat dengan kekerapan ujian peluru berpandu Korea Utara yang pada perspektif Washington mampu mengancam keselamatan Korea Selatan, Jepun dan negaranya. Namun bagi Rusia, keberadaan sistem THAAD di Semenanjung Korea jelas bertujuan untuk mengepung negaranya. Di samping itu juga, strategi pencegahan konvensional dan nuklear Rusia akan terjejas dengan penempatan sistem THAAD di Korea Selatan disebabkan sistem terbabit berfungsi sebagai pemintas peluru berpandu. AS juga menempatkan 7 buah kapal pemusnah yang dilengkapi dengan sistem pertahanan peluru berpandu balistik Aegis di Yokosuka sebagai tambahan kepada 4 kapal pemusnah sedia ada serta meletakkan radar di Kyogamisaki dan Shariki sebagai pelengkap kepada sistem Aegis (Zulfiqar 2018a: 29).

Dengan penempatan pelbagai sistem pertahanan peluru berpandu oleh AS dari Eropah sehingga ke Asia Timur, pihak Moscow tidak akan mampu melancarkan serangan balas

menggunakan peluru berpandu balistik sekiranya diserang terlebih dahulu oleh AS. Bhadrakumar berpendapat bahawa hubungan tegang antara Moscow dengan Washington ekoran perletakan sistem pertahanan peluru berpandu di Jepun dan Korea Selatan serta pengukuhan perjanjian keselamatan antara AS-Jepun menjadi antara faktor pemungkin kepada tindakan Rusia dalam menempatkan sistem pertahanan peluru berpandunya di Kepulauan Kuril (Krivosheyev 2016b). Tindak balas Rusia terhadap AS yang menempatkan sistem pertahanan peluru berpandu di Korea Selatan dan Jepun bertepatan dengan teori realisme defensif iaitu sesebuah negara hanya memerlukan kekuatan tentera bersifat defensif kerana tujuan negara bukanlah meluaskan kuasa sebaliknya mempertahankan wilayah kedaulatan daripada ancaman dan serangan negara musuh. Hal ini juga selaras dengan pandangan Waltz (2010: 126) bahawa perkara penting bagi sesebuah negara bukanlah memaksimakan kuasa tetapi untuk mengekalkan posisi negara di dalam sistem antarabangsa. Keselamatan sesebuah negara akan terjamin tanpa menyerang atau memaksimakan kuasa.

Penempatan sistem pertahanan peluru berpandu *Patriot Advanced Capability 3* (PAC-3) di Hokkaido dan usaha Jepun memperolehi Aegis Daratan turut mengundang peningkatan kehadiran tentera khususnya penempatan pelbagai sistem pertahanan peluru berpandu oleh Rusia di Kepulauan Kuril dan kawasan sekitarnya. Jepun menempatkan PAC-3 di Hokkaido selepas peluru berpandu balistik Korea Utara terbang melepassi ruang udara utara negara Jepun pada 29 Ogos 2017 (Zulfiqar 2018a: 29). Jepun juga telah menempatkan PAC-3 di Shimane, Hiroshima, Kochi, Miyako dan Ishigaki atas alasan ancaman Korea Utara. Atas alasan yang sama jugalah, Jepun mahu memperolehi Aegis Daratan. Perolehan Aegis Daratan akan memantapkan lagi pertahanan peluru berpandu Jepun. Hal ini kerana peluru berpandu musuh perlu menempuh tiga fasa pertahanan peluru berpandu sebelum mengenai mana-mana Sasaran di Jepun. Fasa pertama ialah peluru berpandu balistik musuh perlu melepassi kapal-kapal pemusnah Jepun yang dilengkapi dengan Aegis Laut yang dikendalikan oleh Pasukan Pertahanan Diri Maritim, fasa kedua pula perlu melepassi Aegis Daratan yang dikendalikan oleh Pasukan Pertahanan Diri Darat dan fasa ketiga ialah peluru berpandu musuh akan dipintas oleh PAC-3 yang dikendalikan oleh Pasukan Pertahanan Diri Udara (Zulfiqar & Mohd Ikbol 2018: 54). Dalam sidang akhbar tahunan presiden yang turut ditayangkan secara langsung oleh stesen-stesen televisyen dan radio Rusia pada 20 Disember 2018, Putin menzhahirkan rasa kurang senang terhadap penempatan sistem pertahanan peluru berpandu AS di Jepun kerana melihatnya sebagai senjata ofensif dan potensi nuklear strategik AS (Presidential Executive Office of Russia 2018).

Tindak balas Rusia terhadap pengepungan AS dari Eropah sehingga Asia Timur yang jelas mengancam keselamatan nasionalnya, tindakan Jepun menempatkan PAC-3 di Hokkaido yang berhampiran dengan Selatan Kuril dan usaha Tokyo memperolehi Aegis Daratan dizahirkan melalui penempatan pelbagai sistem peluru berpandu di Kepulauan Kuril dan kawasan sekitarnya. Rusia telah menempatkan sistem peluru berpandu antikapal mudah alih Bal di Kunashir dan sistem peluru berpandu Bastion di Iturup pada tahun 2016 yang dilengkapi dengan peluru berpandu antikapal Oniks dan Kh-35 yang bertujuan untuk mempertahankan kepentingan strategik Laut Okhotsk dan kepulauan Kuril (Ankov 2016a). Sebelum itu, pada tahun 2015, Rusia telah menempatkan sistem peluru berpandu pertahanan udara jarak dekat Tor-M2U di Selatan Kuril. Rusia juga mengatur gerak dua pasukan peluru berpandu iaitu satu di Kuril dan satu lagi di Kamchatka dan Chukotka (Ankov 2017a). Penempatan tersebut selaras dengan strategi Rusia jika berlakunya perang di Laut Okhotsk iaitu dua pasukan peluru berpandu yang ditempatkan di Kuril, Kamchatka dan Chukotka

akan mampu menyerang kapal-kapal musuh dari posisi yang telah diperkuuhkan. Tugas tersebut menjadi tanggungjawab Brigid Artileri dan Peluru Berpandu Pantai ke-72 dan ke-520 (Ankov 2017a). Oleh sebab itu, Brigid Artileri dan Peluru Berpandu Pantai ke-520 menerima sistem peluru berpandu pantai Bastion-P dan telah ditempatkan di daerah Yelizovsky yang berada di selatan Semenanjung Kamchatka (Ankov 2017b).

Manakala untuk mempertahankan kemudahan Armada Pasifiknya di Petropavlovsk-Kamchatsky, Yelizovo dan Vilyuchinsk yang turut mempunyai pangkalan kapal selam peluru berpandu balistik, Rusia telah menempatkan sistem peluru berpandu S-400 Triumf di Semenanjung Kamchatka pada pertengahan tahun 2015. Pertahanan sebelah timur Rusia diperkuuhkan lagi dengan penempatan Rejimen Peluru Berpandu Permukaan ke Udara ke-589 di Nakhodka pada tahun 2012 dan Rejimen Peluru Berpandu Permukaan ke Udara ke-1533 berdekatan Vladivostok pada November 2015 yang dilengkapi dengan S-400 (Plopsky 2016). Penempatan S-400 ini dapat mempertahankan kemudahan dan ibu pejabat APR daripada serangan udara pihak musuh. Bagi memperkuuhkan lagi pertahanan Laut Okhotsk dan pasukan nuklearnya yang berfungsi dalam menghadapi AS, Rusia bakal menempatkan sistem peluru berpandu Bastion di Paramushir dan Matua termasuk empat buah pulau yang dituntut Jepun menjelang tahun 2020.

Penempatan pelbagai sistem pertahanan udara di Kepulauan Kuril telah mendapat perhatian dan bantahan daripada Jepun. Walau bagaimanapun, Rusia tetap bertegas bahawa tindakan negaranya itu tidak melanggar undang-undang antarabangsa kerana Kepulauan Kuril khususnya Selatan Kuril merupakan wilayah kedaulatannya. Penempatan sistem peluru berpandu bertujuan untuk memperkuuhkan lagi keselamatan nasionalnya di sebelah Timur. Tambahan pula, menurut Viktor Pavlyatenko yang merupakan fello senior di Pusat Pengajian Jepun, sistem peluru berpandu yang ditempatkan di Kuril bersifat defensif dan sistem tersebut bukanlah sistem persenjataan bersifat ofensif (Ankov 2016b). Hal ini bertepatan dengan realisme defensif yang menghujahkan bahawa sesebuah negara hanya memerlukan kekuatan tentera bersifat defensif demi mempertahankan kedaulatan wilayah tanpa perlu memaksimakan kuasa. Selain itu, ia turut menunjukkan bahawa Rusia menggunakan perimbangan dalaman berbanding perimbangan luaran. Sergei Chugrov yang merupakan seorang profesor di Institut Hubungan Antarabangsa Moscow berpandangan bahawa Selatan Kuril merupakan wilayah milik Rusia dan oleh sebab itu Moscow mempunyai segala hak dalam menempatkan apa-apa sahaja di kepulauan tersebut kerana ia merupakan hak kedaulatan (Ankov 2016b).

### ***Sebagai Bukti Penguasaan Rusia Terhadap Selatan Kuril***

Lawatan Presiden dan kemudiannya Perdana Menteri Dmitri Medvedev ke Kepulauan Kuril terutama empat buah pulau yang dituntut oleh Jepun bertujuan untuk membuktikan kepada pihak Tokyo bahawa Selatan Kuril adalah milik Rusia. Lawatan berprofil tinggi ini sudah pasti mencetuskan bantahan keras daripada pihak Tokyo kerana Medvedev telah melawat pulau-pulau yang dituntut oleh Jepun. Medvedev telah melawat Selatan Kuril pada November 2010 (Kunashir), Julai 2012 (Kunashir), Ogos 2015 (Iturup) dan 2 Ogos 2019 (Iturup). Menurut Kapur (2012: 394), pembangunan ketenteraan dan ekonomi di Kepulauan Kuril kian meningkat sejak lawatan Presiden Dmitri Medvedev ke Kunashir pada 1 November 2010 menunjukkan bahawa Rusia ingin mengekalkan pentadbiran dan kawalan efektif di kawasan pertikaian wilayah tersebut. Jepun juga pernah membantah kehadiran pegawai-pegawai kerajaan Rusia di Selatan Kuril

antaranya Wakil Presiden Khas bagi Perlindungan Alam Sekitar, Ekologi dan Pengangkutan, Sergei Ivanov dan Menteri Komunikasi, Konstantin Noskov yang melawat pulau Shikotan pada Februari 2019 (Japan Times 2019a). Ivanov sebelum ini pernah beberapa kali melawat Selatan Kuril sehingga mencetuskan bantahan Jepun pada tahun 2011 dan 2014.

Di samping itu juga, latihan ketenteraan yang sering kali dilakukan oleh Rusia di Kepulauan Kuril bertujuan untuk membuktikan bahawa kepulauan terbabit terutama Selatan Kuril yang dituntut oleh Jepun adalah wilayah kedaulatan Rusia. Selain itu, latihan ketenteraan yang diadakan juga mempunyai motif tersirat yang ditujukan kepada negara Jepun. Sebagai sebuah negara yang mempunyai kedaulatan terhadap Kepulauan Kuril, Rusia telah melaksanakan latihan ketenteraan pada tahun 2010 yang dikenali sebagai Vostok 2010. Latihan ketenteraan Vostok 2010 yang diadakan di beberapa kawasan timur Rusia seperti Siberia dan Iturup pada 29 Jun sehingga 1 Julai 2010 telah membabitkan 20 ribu anggota tentera, 70 buah pesawat dan 30 buah kapal perang (Zulfiqar 2018c: 46). Jepun melalui Menteri Hal Ehwal Luarnya pada ketika itu, Katsuya Okada telah membantah tindakan Rusia yang melancarkan latihan ketenteraan di kawasan yang dituntut Tokyo. Rusia juga melaksanakan latihan ketenteraan pada tahun 2013, Ogos 2014 dan September 2014 yang dikenali sebagai Vostok 2014.

Terdapat motif tersirat bagi latihan ketenteraan Rusia di Kepulauan Kuril pada tahun 2014. Hal ini kerana pada tahun yang sama Jepun bersama-sama dengan negara G7 yang lain iaitu AS, Britain, Kanada, Perancis, Jerman dan Itali telah mengenakan sekatan terhadap Rusia berhubung krisis Ukraine. Sebelum ini, Jepun telah bersama AS dan sekutu-sekutunya dalam konflik Timur Tengah walaupun tidak terlibat dalam pertempuran antaranya Jepun telah menyumbang AS\$13 bilion untuk pembinaan semula Kuwait ketika Perang Teluk Pertama, menghantar pasukan Pertahanan Diri ke Iraq sewaktu Perang Teluk Ke-2 bagi membantu usaha-usaha pembinaan semula negara tersebut dan mengatur gerak pasukan marin ke Lautan Hindi bagi menyokong aktiviti ketenteraan di Afghanistan ketika era Koizumi (Asmadi, Rohayati & Mohd Ikbol 2017: 153).

Berbalik kepada krisis Ukraine, sekatan yang dikenakan merupakan lambang kebersamaan Jepun dengan negara-negara G7 yang lain dalam menentang Rusia. Menurut kenyataan Menteri Luar Negeri Jepun tentang sekatan terhadap Rusia berhubung situasi di Ukraine pada 29 April 2014, Jepun bersetuju untuk mengenakan sekatan terhadap Rusia dan menghentikan pengeluaran visa kepada 23 individu yang dianggap bertanggungjawab terhadap perlanggaran kedaulatan dan integriti wilayah Ukraine (Ministry of Foreign Affairs of Japan 2014a). Kemudian, Jepun mengenakan lagi sekatan tambahan kepada Rusia pada Julai 2014 apabila situasi di Ukraine masih tidak berubah. Menurut kenyataan Menteri Luar Negeri Jepun tentang tindakan tambahan terhadap Rusia berhubung situasi di Ukraine pada 28 Julai 2014, Jepun mengambil keputusan untuk membekukan aset individu dan organisasi di Jepun yang dianggap telah terlibat dalam pencerobohan Crimea dan ketidakstabilan di Timur Ukraine serta memperkenalkan tindakan mengehadkan import dari Crimea dan Sevastopol berdasarkan pendirian Jepun yang tidak mengiktiraf pencerobohan Rusia terhadap Crimea (Ministry of Foreign Affairs of Japan 2014b). Menurut Keck (2014), latihan ketenteraan di Kepulauan Kuril pada tahun 2014 merupakan langkah tindak balas terhadap sekatan tambahan yang dikenakan oleh Jepun terhadap Rusia. Sekatan tersebut turut menjelaskan hubungan ekonomi bilateral dan membantutkan proses rundingan bagi memeterai perjanjian damai Rusia-Jepun. Putin dalam temubual dengan Nippon TV dan Yomiuri Shimbun pada 2016 menegaskan bahawa hubungan ekonomi dengan Jepun pada peringkat yang lebih tinggi tidak akan dapat dilaksanakan dalam keadaan Rusia masih dikenakan

sekatan, selain membantutkan proses rundingan perjanjian damai yang akan memberikan manfaat bersama di Selatan Kuril (Presidential Executive Office of Russia 2016).

Sekatan yang dikenakan oleh Jepun pada tahun 2014 tidak menghalang Rusia mengadakan latihan ketenteraan di Kepulauan Kuril. Sebagai contoh, Rusia telah mengadakan latihan ketenteraan di Kepulauan Kuril yang merupakan latihan antipendaratan bagi menguji keupayaan sistem pertahanan pantai Rusia daripada sebarang serangan dari udara dan laut oleh pihak musuh pada April 2015 (Zulfiqar 2018c: 49). Manakala pada Februari 2016, Rusia telah mengadakan latihan antipengganas yang membabitkan unit artileri dan mesingan dari Daerah Ketenteraan Timur Rusia, pasukan payung terjun tempur dari wilayah Primorsky dan detasmen helikopter dari pasukan penerbangan tentera darat (Zulfiqar 2018c: 49). Tanpa menghiraukan bantahan daripada Jepun, pasukan tentera Rusia yang ditempatkan di Kepulauan Kuril telah menjalani latihan tembakan terhadap sasaran di laut yang membabitkan penggunaan pelancar roket berganda Grad dan dron Orlan 10 pada bulan Oktober 2016 (Sharkov 2016). Seterusnya pada September 2017, Rusia telah melaksanakan latihan ketenteraan di Uspenovskii, Sakhalin dan berdekatan pulau-pulau yang dituntut oleh Jepun. Latihan ketenteraan melibatkan 3500 anggota tentera Rusia yang ditempatkan di Sakhalin dan Kepulauan Kuril telah menjalani latihan pertempuran bagi menentang pendaratan amfibia dan latihan tembakan bagi artileri, senjata antikereta kebal, kereta kebal serta helikopter (Sharkov 2017).

Jepun telah memprotes tindakan Rusia yang melaksanakan latihan ketenteraan dengan pembabitan 2000 anggota tentera di Kepulauan Kuril termasuk empat buah pulau yang dituntut oleh Tokyo pada 6 Februari 2018 (Mainichi Japan 2018). Latihan ketenteraan kali ini merupakan tindak balas Rusia terhadap tindakan Jepun yang mahu memperolehi Aegis daratan daripada AS. Moscow tegas mengatakan bahawa Jepun bersengkongkol dengan AS dalam mengepung Rusia melalui penempatan sistem pertahanan peluru berpandu AS di Jepun. Kepungan sistem pertahanan peluru berpandu AS yang menganjur dari Eropah sehingga Asia Timur sudah pasti akan melemahkan strategi pencegahan konvensional dan nuklear Rusia. Rusia juga telah menjalankan latihan ketenteraan di Iturup dan Kunashir pada 12 Mac 2019 yang melibatkan lebih 500 anggota tentera dari Unit Artileri dan Mesingan serta pembabitan 70 kelengkapan tentera pelbagai jenis seperti mortar, kenderaan perisai dan kereta kebal T-72 (Japan Times 2019b). Seperti mana latihan ketenteraan Rusia sebelum ini, Tokyo telah menyatakan bantahan keras kepada Rusia pada 13 Mac 2019 kerana mengadakan latihan ketenteraan di dua buah pulau yang dituntut oleh negaranya.

Jepun juga membantah latihan tembakan yang diadakan di Kunashir dari 5 Ogos hingga 11 Ogos 2019 (The Moscow Times 2019). Latihan ketenteraan tersebut membabitkan 1000 anggota tentera dan pelbagai jenis kelengkapan tentera termasuk helikopter tempur Mi-8. Bagi membalas bantahan berterusan pihak Jepun terhadap latihan ketenteraan di Kepulauan Kuril, Anton Morozov yang merupakan ahli jawatankuasa hal ehwal antarabangsa *State Duma* menegaskan bahawa tindakan provokatif dan tuntutan Jepun terhadap wilayah Rusia menyebabkan pengukuhan keupayaan pertahanan Rusia di Kepulauan Kuril menjadi suatu keperluan (Committee on International Affairs of the State Duma of the Russian Federation 2019). Manakala Mikhail Kozlov yang merupakan Timbalan Pengerusi Jawatankuasa Majlis Persekutuan bagi Pertahanan dan Keselamatan mengingatkan kepada Jepun bahawa Rusia mempunyai hak untuk menjalankan sebarang latihan ketenteraan di wilayahnya. Ketika ditemubual oleh Nippon TV dan Yomiuri Shimbun pada 2016, Putin menegaskan bahawa Rusia tiada pertikaian wilayah dengan Jepun, sebaliknya Jepun yang mempercayai bahawa wujudnya pertikaian wilayah antara Tokyo-Moscow

(Presidential Executive Office of Russia 2016). Oleh sebab itu, Rusia tetap menjalankan latihan ketenteraan di Selatan Kuril kerana pulau-pulau tersebut merupakan wilayah kedaulatannya walaupun tuntutan dan bantahan berterusan dilakukan oleh Jepun. Jawapan Putin ketika ditemubual juga jelas membuktikan bahawa Rusia tidak akan melepaskan Selatan Kuril kepada Jepun.

## KESIMPULAN

Kesatuan Soviet telah meningkatkan kehadiran tentera di Kepulauan Kuril dan kawasan sekitarnya atas faktor kepentingan strategik dan keselamatan nasional. Hal ini sejajar dengan keadaan dunia yang dwipolar lantas menjadikan AS sebagai ancaman Soviet. Laut Okhotsk yang menjadi sebahagian daripada strategi pencegahan konvensional dan nuklear Soviet telah menyebabkan Kepulauan Kuril begitu penting untuk dikekalkan dibawah kedaulatan Moscow. Era pentadbiran Boris Yeltsin menyaksikan pengurangan angkatan tentera Rusia di sebelah Timur termasuk Kepulauan Kuril. Walau bagaimanapun, Rusia masih mengekalkan rejimen sempadan di Selatan Kuril. Atas faktor kepentingan strategik, tindak balas terhadap ancaman luaran dan membuktikan penguasaan Rusia terhadap Selatan Kuril telah menyebabkan peningkatan kehadiran tentera Rusia yang begitu ketara ketika era Dmitri Medvedev dan lebih-lebih lagi Vladimir Putin yang mengambil alih semula tumpuk pemerintahan negara pada tahun 2012. Penempatan pelbagai sistem pertahanan peluru berpandu, pasukan tentera dan aset-aset tentera lain yang kian meningkat adalah manifestasi kepentingan strategik Kepulauan Kuril. Selain itu, faktor global seperti pengepungan AS terhadap Rusia melalui penempatan pelbagai sistem pertahanan peluru berpandu yang menganjur dari Eropah sehingga ke Asia Timur turut mendorong Rusia meningkatkan lagi kehadiran tenteranya di Kepulauan Kuril dan kawasan sekitarnya sebagai tindak balas. Manakala kekerapan lawatan Dmitri Medvedev ke Selatan Kuril amat jelas membuktikan bahawa Rusia tidak akan menyerahkan Habomai, Shikotan, Iturup dan Kunashir walau seinci sekali pun kepada Jepun. Itulah pendirian teguh Rusia semenjak era Kesatuan Soviet lagi walaupun terdapat perundingan antara Kesatuan Soviet-Jepun yang mahu menyerahkan sekurang-kurangnya dua buah pulau kepada Jepun. Peningkatan kehadiran tentera adalah manifestasi jelas Selatan Kuril adalah wilayah kedaulatan Rusia dan pihak Moscow akan tetap mempertahankannya daripada sebarang pencerobohan dan tuntutan yang dianggapnya sebagai ancaman terhadap keselamatan nasional.

## RUJUKAN

- Amanzholov, M. Z & Akhmetov, B. Y. 2013. Japanese-Russian territorial disagreements and their international legal substantiations. *Middle-East Journal of Scientific Research* 13 (Special issue of Politics and Law): 16-24.
- Asmadi Hassan, Rohayati Paidi & Mohd Ikbal Mohd Huda. 2017. Pemindaan perkara 9 perlembagaan Jepun dalam pentadbiran Shinzo Abe. *Akademika* 87 (3): 151-162.
- Ankov, V. 2016a. Bal and Bastion: Meet two coastal defense systems Russia deployed to Kurils. *Sputnik News*, 22 November. [https://sputniknews.com/military/201611221047718343- bal-bastion-defense-systems/](https://sputniknews.com/military/201611221047718343-bal-bastion-defense-systems/). Retrieved on: 6 June 2017.
- Ankov, V. 2016b. Kurils 'Integral part of Russia, it deploys there whatever deems necessary'. *Sputnik News*, 26 November. [https://sputniknews.com/politics/201611261047868130- russia-japan-kuril-islands/](https://sputniknews.com/politics/201611261047868130-russia-japan-kuril-islands/). Retrieved on: 6 June 2017.
- Ankov, V. 2017a. How Russian Fleet copes with US-NATO military challenge in Asia-Pacific.

- Sputnik News*, 21 April. <https://sputniknews.com/politics/201704211052858798-russia-fleet-us-asia-pacific/>. Retrieved on: 6 June 2017.
- Ankov, V. 2017b. Russia builds an integrated defense line on its Eastern flank. *Sputnik News*, 24 February. <https://sputniknews.com/russia/201702241051006680-russia-far-east-defense/>. Retrieved on: 6 June 2017.
- Bukh, A. 2012. Constructing Japan's 'Northern Territories': domestic actors, interests, and the symbolism of the disputed islands. *International Relations of the Asia-Pacific* 12: 483- 509.
- Chesnokova, E. 2017. Japan's Defense Chief Wants to discuss Russian plan to deploy division on Kurils. *Sputnik News*, 24 February. <https://sputniknews.com/politics/201702241051004339-japan-russia-kurils-division/>. Retrieved on: 6 June 2017.
- Committee on International Affairs of the State Duma of the Russian Federation. 2019. Anton Morozov: The protest of Japan in connection with the exercises in the Kuril Islands is completely unjustified. <http://interkomitet.com/about-the-committee/blogs/anton-morozov/anton-morozov-the-protest-of-japan-in-connection-with-the-exercises-in-the-kuril-islands-is-completely-unjustified/>. Retrieved on: 19 October 2019.
- Dhaka Tribune. 2016. Kuril Islands and Russia Japan dispute. <http://www.dhakatribune.com/world/europe/2016/12/15/kuril-islands-russia-japan-dispute/>. Retrieved on: 7 September 2017.
- Glaser, L. C. 2010. Realism. In *Contemporary Security Studies*, Second Edition, edited by Collins, A, 15-32. New York: Oxford University Press.
- Hamilton, J. E & Rathbun, C. B. 2013. Scarce Differences: Toward a material and systemic foundation for offensive and defensive realism. *Security Studies* 22 (3): 436-465.
- Hawk, J., Deiss, D. & Watson, E. 2016. Russia Defense Report: Kuril Islands Dispute. <https://southfront.org/russia-defense-report-kuril-islands-dispute/>. Retrieved on: 18 January 2018.
- Japan Times. 2019a. High-ranking Russian officials visit island disputed by Japan. <https://www.japantimes.co.jp/news/2019/02/27/national/politics-diplomacy/high-ranking-russian-officials-visit-island-disputed-japan/#.Xar4pOYzZdg>. Retrieved on: 19 October 2019.
- Japan Times. 2019b. Russia begins military drill on disputed islands off Hokkaido. <https://www.japantimes.co.jp/news/2019/03/12/national/politics-diplomacy/russia-begins-military-drill-disputed-islands-off-hokkaido/>. Retrieved on: 19 October 2019.
- Kazuhiko Togo. 2011. The inside story of the negotiations on the Northern Territories: five lost windows of opportunity. *Japan Forum* 23 (1): 123-145.
- Koji Furukawa. 2011. Bordering Japan: towards a comprehensive perspective. *Journal of Borderlands Studies* 26 (3): 297-314.
- Kapur, K. D. 2012. Russia–Japan Relations: Politico-strategic importance of the disputed Southern Kurile Islands/Northern Territories. *India Quarterly* 68 (4): 385-405.
- Kamarulnizam Abdullah. 2012. Mengkonseptualisasikan keselamatan nasional Malaysia. In *Keselamatan Nasional Malaysia*, edited by Kamarulnizam Abdullah, 49-64. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Keck, Z. 2014. Russia conducts military drill on disputed Kuril Islands. <https://thediplomat.com/2014/08/russia-conducts-military-drill-on-disputed-kuril-islands/>. Retrieved on: 21 March 2018.
- Krivosheyev, S. 2016a. Five reasons why Russia cannot give Kuril Islands to Japan. *Sputnik News*,

- 12 September. <https://sputniknews.com/politics/201609121045235663-kuril-islands-russia-japan/>. Retrieved on: 7 June 2017.
- Krasnouhov, S. 2016. Lavrov: Russia will neither give Kurils to Japan nor 'beg' for peace deal. *Sputnik News*, 31 May. <https://sputniknews.com/politics/201605311040524161-russia-kurils-lavrov/>. Retrieved on: 6 June 2017.
- Krasilnikov, S. 2017. Defense Ministry to form four divisions in 2017, including one to protect Kurils. *Tass*, 22 February. <http://tass.com/defense/932370>. Retrieved on: 7 June 2017.
- Litovkin, N. 2016. Russia to strengthen its eastern outposts on Sakhalin and the Kuril Islands. [https://www.rbth.com/defence/2016/06/03/russia-to-strengthen-its-eastern-outposts-on-sakhalin-and-the-kuril-islands\\_599877](https://www.rbth.com/defence/2016/06/03/russia-to-strengthen-its-eastern-outposts-on-sakhalin-and-the-kuril-islands_599877). Retrieved on: 20 August 2017.
- Liskin, A. 2016. Why Russia needs new naval base on Kuril Islands. *Sputnik News*, 30 June. <https://sputniknews.com/military/201606301042235967-russia-base-kurils/>. Retrieved on: 6 June 2017.
- Mihoko Kato. 2013. Japan and Russia at the beginning of the twenty-first century: New dimension to maritime security surrounding the "Kuril Islands". Kertas Perbincangan UNISCI.
- Ministry of Foreign Affairs of Japan. 2014a. Statement by the Minister for Foreign Affairs of Japan on the sanctions against Russia over the situation in Ukraine. [http://www.mofa.go.jp/press/release/press4e\\_000281.html](http://www.mofa.go.jp/press/release/press4e_000281.html). Retrieved on: 21 March 2018.
- Ministry of Foreign Affairs of Japan. 2014b. Statement by the Minister for Foreign Affairs of Japan on the additional measures over the situation in Ukraine. [http://www.mofa.go.jp/press/release/press2e\\_000003.html](http://www.mofa.go.jp/press/release/press2e_000003.html). Retrieved on: 21 March 2018.
- Mainichi Japan. 2018. Japan protests Russian military drills on disputed isles. <https://mainichi.jp/english/articles/20180207/p2g/00m/0dm/053000c>. Retrieved on: 7 March 2018.
- Osborn, A. 2018. New Russian barracks on disputed islands draws protest from Japan. <https://www.reuters.com/article/us-japan-russia-islands/new-russian-barracks-on-disputed-islands-draws-protest-from-japan-idUSKBN1OG1PV>. Retrieved on: 19 October 2019.
- Pollmann, M & Miller, B. 2016. Russia vs. Japan: Asia's forgotten island fight. <http://nationalinterest.org/feature/russia-vs-japan-asias-forgotten-island-fight-15942>. Retrieved on: 6 June 2017.
- Plopsky, G. 2016. How Russia Is Bolstering Missile Defense in its Far East. <https://thediplomat.com/2016/08/how-russia-is-bolstering-missile-defense-in-its-far-east/>. Retrieved on: 18 January 2018.
- Presidential Executive Office of Russia. 2016. Interview by Vladimir Putin to Nippon TV and Yomiuri newspaper. <http://en.kremlin.ru/events/president/news/53455>. Retrieved on: 25 September 2020.
- Presidential Executive Office of Russia. 2017. St Petersburg International Economic Forum plenary meeting. <http://en.kremlin.ru/events/president/news/54667>. Retrieved on: 26 September 2020.
- Presidential Executive Office of Russia. 2018. Vladimir Putin's annual news conference. <http://en.kremlin.ru/events/president/news/59455>. Retrieved on: 26 September 2020.
- Ramli Dollah & Zainus Sagi Khusyairy Pangkas. 2017. Aktor bukan negara dan keselamatan nasional di Malaysia: Tentera Diraja Sulu dan pencerobohan Lahad Datu, 2013. *Akademika* 87 (3): 15-29.
- Sharkov, D. 2016. Russia Calls Military Drill On Disputed Kuril Islands. *Newsweek*, 21 October.

- <http://www.newsweek.com/russia-kicks-military-drill-far-east-amidst-japan-island-dispute-512534>. Retrieved on: 9 October 2017.
- Sharkov, D. 2017. Russian Forces Launch Live Fire Drill In Region Disputed With Japan. *Newsweek*, 4 September. <http://www.newsweek.com/russian-forces-launch-live-fire-drill-region-disputed-japan-659076>. Retrieved on: 9 October 2017.
- Tang Siew Man. 2007. Japan's grand strategic shift from Yoshida to Koizumi: Reflections on Japan's strategic focus in the 21<sup>st</sup> century. *Akademika* 70 (1): 117-136.
- The Straits Times. 2017. 4 more Thaad missile defence launchers to be deployed in South Korea. <http://www.straitstimes.com/asia/east-asia/south-korea-to-announce-approval-of-environment-report-for-thaad-deployment-on-monday>. Retrieved on: 4 September 2017.
- The Moscow Times. 2019. Japan protests Russian military drills on disputed island. <https://www.themoscowtimes.com/2019/08/05/japan-protests-russian-military-drills-on-disputed-island-a66711>. Retrieved on: 22 October 2019.
- Valencia, M. J. 1991. Southern Kuril/Northern Territories resource potential. *GeoJurnal* 24 (2): 227-231.
- Waltz, N. K. 2010. *Theory of International Politics*. Illinios: Waveland Press.
- Walker, B. J. 2015. Archipelagic ambiguities: the demarcation of modern Japan. 1868-1879. *Island Studies Journal* 10 (2): 197-222.
- Xinhua News. 2011. Importance of Southern Kuril Islands. [http://news.xinhuanet.com/english2010/video/2011-02/12/c\\_13729119.htm](http://news.xinhuanet.com/english2010/video/2011-02/12/c_13729119.htm). Retrieved on: 7 June 2017.
- Zulfiqar Mohd Yusof & Mohd Ikbal Mohd Huda. 2018. Sistem Aegis Daratan untuk Jepun. *Perajurit*. 3, Mac.
- Zulfiqar Mohd Yusof. 2018a. Sistem pertahanan peluru berpandu Amerika Syarikat di Asia Timur. *Perajurit*. 3, Mac.
- Zulfiqar Mohd Yusof. 2018b. Sistem pemintas misil balistik mengepung Rusia. *Perajurit*. 7, Julai.
- Zulfiqar Mohd Yusof. 2018c. Kepulauan Kuril: Disebalik latihan tentera Rusia. *Perajurit*. 7, Julai.

## MAKLUMAT PENULIS

### ZULFIQAR MOHD YUSOF

Pusat Kajian Sejarah, Politik Dan Hal Ehwal Antarabangsa  
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
marshallzulfiqarov007@gmail.com

### MOHD IKBAL MOHD HUDA

Pusat Kajian Sejarah, Politik Dan Hal Ehwal Antarabangsa  
Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
ibahuda@ukm.edu.my